

MAHATHIR-MIC.

1984

PETALING JAYA, 21 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD H A R X INI MAHU SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MENGHENTIKAN GEJALA MERUJUK PERSELISIHAN POLITIK 'KE' PIHAK KETIGA SEPERTI MAHKAMAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEGALA PERSELISIHAN HENDAKLAH BERKISARDALAM PARTISAHAJA DAN TIDAK PERLU DIDEDAHKAN SEGALA MASALAH DAN KEBURUKAN DALAM PARTI KEPADA ORANG RAMAI DENGAN MEMBAWANYA KE MAHKAMAH.

BELIAU BERPENDAPAT PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MESTI Mencari +JALAN POLITIK+ UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DALAM PARTI SESAMA SENDIRI.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-32 MIC DI HOTEL SUBANG VIEW DISINI, DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERPELANcong: + JANGANLAH GEJALA MERUJUK PERSELISIHAN POLITIK KE PIHAK KETIGA SEPERTI MAHKAMAH DIBIARKAN BERTERUSAN.

+ JANGANLAH PERSELISIHAN TERJADI SEHINGGA TIDAK DAPAT DISELESAIKAN SESAMA SENDIRI. KITA MESTI Mencari JALAN POLITIK UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DALAM PARTI, + TAMBAHNYA KEPADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG TERMASUK PARA PEMERHATI YANG MENGHADIRI SIDANG DUA HARI ITU.--LAGI

DR. MAHATHIR MENJELASKAN NASIHAT ITU DITUJUKAN BUKAN SAHAJA KEPADA MIC TETAPI KEPADA SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL. AMANAT PERDANA MENTERI ITU JELAS MENUNJUKKAN KESALNYA TERHADAP KESYANGKINIS EDANG MENUNGGU PERBICARAAN DI BEBERAPA MAHKAMAH DI SELURUH NEGARA EKORAN DARI KRISIS DALAM MCA SEJAK BEBERAPA BULAN LALU.

DI SAMPING ITU, PERSELISIHAN ANTARA PRESIDEN MIC, DATUK S. SAMY VELLU DENGAN NAIB PRESIDENNYA YANG DIPECAT, ENCIK V. GOVINDARAJ JUGA TELAH DIBAWA KE MAHKAMAH UNTUK PENYELESAIAN.

PERDANA MENTERI KESAL PENYAKIT MENGUTAMAKAN DIRI LEBIH DARIPADA PARTI BAHKAN LEBIH DARIPADA NEGARA SUDAH MEREBAK DAN JIKA TIDAK BERHATI-HATI, RIWAYAT PEMIMPIN BARISAN NASIONAL SEBAGAI PEMERINTAH NEGARA AKAN TAMAT.

BELIAU BIMBANG PENDEDAHAN DALAM MAHKAMAH DAN PENGLIBATAN ORANG LUAR DALAM MASALAH PARTI AKAN MENGURANGKAN KEPERCAYAAN ANGGOTA DAN ORANG RAMAI TERHADAP BARISAN NASIONAL.-- LAGI
1224MST 21 07 84

0087

R B051 DEB

MAHATHIR-MIC 3 PETALING JAYA

KATANYA, JIKA ADA PERSELISIHAN PENDAPAT, PERLU ENCIK MENCARI SALURAN YANG SEDIA ADA DALAM PARTI HENDAKLAH DIGUNAKAN UNTUK Mencari PENYELESAIAN DAN APA JUGA KEPUTUSAN YANG DIBUAT HENDAKLAH DITERIMA DENGAN RELA HATI.

+SELAGI CARA INI KITA IKUTI, SELAMA ITULAH KITA AKAN DAPAT MENENTUKAN BAHWA APABILA TERDAPAT PERSELISIHAN PENDAPAT, IA AKAN BERKISAR DALAM PARTI SAHAJA DAN TIDAKLAH PERLU KITA MENDEDAHKAN SEGALA MASALAH DAN KEBURUKAN DALAM PARTI KEPADA ORANG RAMAI

MENURUT DR. MAHATHIR, MAHKAMAH YANG TERTINGGI SEKALIPUN MUNGKIN, MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BOLEH DIPERTIKAIKAN TETAPI OLEH KERANA MASYARAKAT MEMAHAMI PERLU NYA KEPUTUSAN MUKTAMAD DIBUAT BAGI SETIAP MASALAH, MEREKA AKAN MENERIMA KEPUTUSAN TERSEBUT DENGAN TENANG.

+SUDAH TENTU JIKA ANGGOTA MASYARAKAT MENCABAR KEPUTUSAN MAHKAMAH TERTINGGI, MAKA HURU-HARA AKAN TERDAPAT SEPANJANG MASA. DEMIKIAN JUGA DENGAN KEPUTUSAN DALAM PARTI, + JELASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SISTEM PERKONGSIAN KUASA YANG UNIK SEPERTI BARISAN NASIONAL YANG WUJUD SEJAK LEBIH SATU DEKAD HENDAKLAH DI JAGAI BENAR-BENAR DENGAN PENUH +PERASAAN CEMBURU.-- LAGI

wangan
san ope
ada kar
ang dise
olegiat
Amerik
gan bua

MAHATHIR-MIC 4 PETALING JAYA

PENGERUSI BARISAN NASIONAL ITU MENINGATKAN DALAM MEMPERJUANGKAN KEPENTINGANKAUM YANG DIWAKILINYA, PARTI-PARTI KOMPONEN HENDAKLAH MEMASTIKAN TIDAK TIMBUL SEBARANG SENTIMEN ATAU PERASAAN PERKAUMAN YANG KETERLALUAN.

+KITA HARUS SENTIASA MENINGATKAN DIRI KITA SEKALI-SEKALA TENTANG TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KEHARMONIAN DAN PERKONGSIAN BARISAN NASIONAL. SEMOGA TIDAK TERDAPAT MANA-MANA PARTI KOMPONEN MELUKAKAN HATI PARTI KOMPONEN LAIN,+ KATANYA.

KITA MESTI MEMASTIKAN SETIAP TINDAKAN ATAU UCAPAN KITA TIDAK MENIMBULKAN PRASANGKA DAN SENTIMEN YANG MUNGKIN SENSITIF KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN YANG LAIN ATAU PUN AGENSI-AGENSI ATAU PENTADBIRAN YANG DIDOKONG OLEH BARISAN NASIONAL.+

TEGAS PERDANA MENTERI, BERCAKARAN DENGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG ADALAH MENJADI ADAT TETAPI PERCAKARAN DI ANTARA PARTI ATAU PENTADBIRAN BARISAN NASIONAL ADALAH TIDAK SIHAT. --LAGI

MAHATHIR-MIC 5 KUALALUMPUR

DR. MAHATHIR MEMINTA JIKA SEKALI-SEKALA PERCAKARAN ITU TIMBUL, SAMA ADA BERLAKU SECARA SENGAJA ATAU TIDAK, TINDAKAN SUSULAN HENDAKLAH DIAMBIL DENGAN SEGERA UNTUK MENGURANGKAN KESAN BURUK DARI PADANYA..

+INGAT-MENINGATI TENTANG TANGGUNGJAWAB INI MESTILAH DILAKUKAN DARIMASA KE SEMASA SUPAYA KITA TIDAK TERGELINCIR, TIDAK TERKELUAR DARI BATASAN. +

BELIAU MENGAKUI BAHAWA SETIAP PARTI KOMPONEN MENDAPAT SOKONGAN DARI PADA SESUATU KAUM TERTENTU DAN DENGAN ITU PARTI-PARTI KOMPONEN HENDAKLAH MENJAGA KEPENTINGAN KAUM YANG MEMBERI SOKONGAN KEPADANYA.

KATANYA, BARISAN NASIONAL MEMANG MENGGALAKKAN PARTI-PARTI KOMPONEN NYA MENDAPAT KEPERCAYAAN SATU-SATU KAUM KERANA SECARA ITULAH SETIAP PARTI KOMPONEN AKAN KUAT DAN SETERUSNYA BARISAN NASIONAL PUN KUKUH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP SEBARANG PERASAAN KURANG PUASHATI TERHADAP SESUATU TINDAKAN YANG DILAKUKAN OLEH MANA-MANA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN ATAU OLEH AGENSI-AGENSI DAN PENTADBIRAN YANG DIDOKONG OLEH BARISAN NASIONAL HENDAKLAH DISALURKAN MELALUI SALURAN YANG SEWAJARNYA. ---LAGI

1305MST 2 1 07 84

MAHATHIR-MIC 6 KUALALUMPUR

+KITA MEMANG TIDAK DAPAT MENGELAK DARI PADA MASALAH YANG TIMBUL DARI MASA KE SEMASA SEPANJANG PERKONGSIAN KUASA KITA INI. KITA JUGA HARUS MAKLUM BAHAWA TIDAK SEMUA TUNTUTAN OLEH SATU-SATU PARTI KOMPONEN AKAN BERHASIL, DISEBABKAN KITA MESTI MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA PIHAK.+

OLEH ITU, PERDANA MENTERI MERAYU AGAR SEBARANG PRINSIP YANG DIPERSETUJUI DAN YANG DIFIKIRKAN BERPATUTAN HENDAKLAH DITERUSKAN UNTUK KEPENTINGAN MASA DEPAN BARISAN NASIONAL SENDIRI.

DR. MAHATHIR BERKATA JIKA ADA SEDIKIT SEBANYAK MASALAH YANG DIHADAPI, PARTI-PARTI KOMPONEN HENDAKLAH MENGATASINYA DENGAN SEMANGAT KERJASAMA, MUSYAWARAH DAN SALING HORMAT MENGHORMATI ANTARA SATU SAMA LAIN.

JURUSTENU ITU, TAMBAHNYA, ADALAH MENJADI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PARTI-PARTI KOMPONEN BAGI MEMASTIKAN BARISAN NASIONAL BUKAN SAHAJA TEGUH, HIDUP DAN MAJU BAHKAN JUGA SEMAKIN HARI SEMAKIN KUAT DAN KUKUH.

DENGAN CARA INI BELIAU YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MEMEGANG TERAJU KERAJAAN. ---BERNAMA